

Punca pencemaran diketahui seminggu lagi


Shah Alam: Punca pencemaran yang mengakibatkan penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih akan diketahui dalam tempoh seminggu lagi, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

BERNAMA melaporkan, beliau berkata, pihak berkuasa masih menyiasat sumber pencemaran itu, sama ada berpunca daripada sektor perindustrian atau sebaliknya.

“Pihak loji sudah mengambil sampel air untuk dianalisis berikutan air berkecauan berbau bu-

suk. Susulan itu, kita juga memeriksa kira-kira 226 kilang di kawasan berhampiran, namun pemeriksaan setakat ini tidak menunjukkan premis berkenaan mempunyai kaitan dengan punca pencemaran air berkenaan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pengerus Kanan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 2016, di sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Air Selangor, Amin Lin Abdullah, ketika dihubungi semalam, ber-



Sungai Semenyih merentasi kawasan perindustrian Hi-Tech, Semenyih yang didakwa menjadi punca pencemaran.

kata pihaknya masih belum mengenali pasti punca pencemaran air yang menyebabkan LRA Sungai Semenyih ditutup.

Tumpuan punca pencemaran

“Tumpuan siasatan kami pada masa ini adalah di kawasan disyaki menjadi punca pencemaran berkenaan,” katanya.

Bagaimanapun katanya, LRA Sungai Semenyih sudah beroperasi sepenuhnya, namun beberapa kawasan masih lagi terjejas, ia berikutan penggunaan yang tinggi apabila bekalan pulih.

**Fakta
nombor**

226 KILANG

di kawasan berhampiran
diperiksa

“Penggunaan air yang tinggi oleh penduduk selepas loji pulih menyebabkan premis di kawasan tinggi atau penghujung sistem agihan tidak mendapat air.

“Kita masih belum dapat menentukan tarikh tepat untuk pemuliharaan air sepenuhnya, namun segala usaha sedang giat dijalankan bagi memulihkan bekalan air di kawasan yang masih terjejas secepat mungkin,” katanya.

Katanya, sehingga kini sebanyak 57 lori tangki masih lagi menghantar bekalan air di kawasan yang terjejas.